

24/02/2001

Boleh wujud suasana kondusif jika ikhlas

KUALA LUMPUR, Jumaat - Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Datuk Mohd Nakhaie Ahmad berkata Pas hendaklah turut membuktikan keikhlasannya bagi mewujudkan suasana kondusif untuk pertemuan perpaduan Melayu dengan Umno.

Beliau berkata, Pas tidak ikhlas jika ia hanya menuntut Umno mewujudkan suasana kondusif, sedangkan ia sendiri tidak berbuat apa-apa.

Bekas Naib Yang Dipertua Pas itu berkata, usaha mewujudkan suasana yang kondusif bagi pertemuan yang dicadangkan itu adalah menjadi tanggungjawab bersama Umno dan Pas.

"Kedua-dua pihak hendaklah terlebih dahulu melaksanakan sendiri apa yang mereka inginkan sebagai syarat, sebelum mengemukakan pelbagai tuntutan kepada pihak lain," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau mengulas tindakan Pas menangguhkan perbincangan perpaduan Melayu yang dijadualkan 19 Februari lalu dengan alasan suasana tidak kondusif dan meletakkan syarat tertentu terhadap Umno bagi mewujudkan suasana itu.

Antara lain Pas mahu supaya Kerajaan Pusat mengembalikan kepada kerajaan Pas Terengganu "royalti" minyak, yang kini disalurkan di bawah program wang ihsan menerusi agensi Pusat kepada rakyat Terengganu.

Pas juga mahu supaya penerbitan parti itu, Harakah, dibenarkan diterbitkan dua kali seminggu semula dan menuntut Umno mengetepikan cadangannya supaya kerajaan melarang penggunaan perkataan Islam pada nama mana-mana parti politik.

Semalam Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Majlis Tertinggi (MT) parti itu mahu perbincangan itu menjadi kenyataan dan bersedia berbincang apa saja dengan Pas asalkan parti pembangkang itu tidak meletakkan syarat.

Bagaimanapun Presiden Pas Datuk Fadzil Noor berkata pihaknya masih berpegang kepada keputusan awalnya untuk membincangkan perpaduan orang Melayu jika tiga tuntutannya dipenuhi terlebih dulu.

Nakhaie berkata, Pas yang inginkan suasana kondusif sebagai syarat, hendaklah terlebih dahulu membuktikan keikhlasan dengan memulakan langkah bagi mewujudkan suasana kondusif itu.

"Sungguh malang, usaha mengadakan pertemuan antara Umno dan Pas diperpayahkan. Pelbagai alasan dan helah diada-adakan, tanpa menghiraukan betapa pentingnya umat Islam berdamai," kata Nakhaie.

(END)